



320

X

Embargo: Tidak boleh di
siarkan sebelum
pukul 10.00 pagi
24.1.1977.

Disampaikan

Ucapan YB Dr. Mahathir bin Mohamad di
Upacara Penyampaian Sijil Penghargaan
kepada Jawatankuasa Hari Guru Peringkat
Kebangsaan pada Hari Isnin 24hb Januari,
1977 jam 8.50 pagi di Dewan Lembaga
Peperiksaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur.

(Disampaikan oleh Y.B. Encik Chan Siang Sun,
Timbalan Menteri Pelajaran).

→

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jawatan-
kuasa Hari Guru Peringkat Kebangsaan ini kerana telah sudi menjemput
saya memberikan sepatah dua kata serta menyampaikan Sijil Penghargaan
kepada ahli-ahli Jawatankuasa Hari Guru Peringkat Kebangsaan ini yang
telah menjayakan Perayaan Hari Guru pada tahun lalu dan tahun-tahun
sebelumnya.

→

2. Sesungguhnya kita semua maklum bahawa Perayaan Hari Guru ini
dimulakan pada tahun 1972 sehinggalah sekarang telah masuk 6 tahun.
Tujuannya tidak berubah. Tujuan utama perayaan Hari Guru itu seperti
yang pernah saya katakan pada Perayaan Hari Guru tahun 1975 dan tahun
lalu adalah bagi menguatkan lagi keazaman kaum guru seluruhnya untuk
lebih bergiat dan berdedikasi terhadap profesion perguruan mereka,
disamping menyurut dan menilai kembali segala kerja yang telah lalu.
Sekiranya ada terdapat kelemahan di mana-mana, maka hendaklah kita
berusaha memperbaikinya sehingga dapat meyakinkan kaum guru sendiri dan
masyarakat amnya bahawa kaum guru tidak lari dari tujuan utama
pendidikan iaitu berusaha menuju ke arah pembentukan warganegara yang
berilmu, yang taat setia, yang bertanggungjawab, yang berkebolehan,
yang tertib serta berdisiplin.

→

3. Selain daripada itu hendaklah benar-benar terjalin perpaduan
dan persefahaman di antara kaum guru itu sendiri serta dapat mengeneppikan
kepentingan kumpulan dan kepentingan diri demi kebaikan kaum guru
seluruhnya serta kemenebatan profesion perguruan itu sendiri. Setakat
ini saya belum meragukan lagi keupayaan Jawatankuasa Hari Guru ini
bagi meumupuk semangat perpaduan kaum guru. Setakat yang saya ketahui,
aktiviti-aktiviti yang telah dirancang serta yang diusahakan oleh
Jawatankuasa ini sungguh berguna dan berfaedah. Sesungguhnya ini amatlah

✓

menggembirakan. Antaranya ialah pembentukan Yayasan Guru yang pada masa ini masih lagi dalam proses penubuhannya. Saya merasa melalui Yayasan Guru ini semua apa cara bentuknya adalah bertujuan untuk membantu serta memperbaiki taraf guru-guru secara am. Saya yakin bahawa Yayasan Guru ini boleh mewujudkan perpaduan antara kaum guru sekalian, jika sekiranya ia benar-benar dapat menjadi suatu kenyataan.

4. Satu perkara lagi yang menarik hati saya ialah peraduan menulis novel yang sedang berjalan sekarang. Tidak syak lagi bahawa Jawatankuasa Hari Guru ini telah dapat mendidik dan mengasah bakat-bakat penulisan daripada kalangan guru-guru sendiri serta menggalakkan mereka membantu kita bagi menyediakan sendiri bahan-bahan bacaan dan kajian yang benar-benar bernilai tinggi sesuai dengan kehendak pendidikan kita. Dengan adanya aktiviti-aktiviti seumpama ini akan terbentuk nilai-nilai yang suci di kalangan kaum guru serta pemimpin-pemimpin untuk berkhidmat dengan jujur dan memberi keutamaan kepada kebaikan profesion daripada kepentingan kelompok-kelompok. Lebih tegas saya katakan iaitu, bagi mencapai matlamat profesion perguruan yang murni ini, perlulah ada persefahaman antara semua lapisan guru yang di dalam Jawatankuasa ini sebagai tulang belakangnya. Oleh itu adalah menjadi kewajipan setiap pemimpin guru menentukan bahawa mereka memimpin ke arah yang dapat menunjukkan suatu cara kepimpinan, suatu cara berfikir yang liberal dan tidak terpengaruh dengan desakan-desakan yang sumbang serta menyeleweng daripada tatasusila profesion perguruan yang ada, disamping bersikap sedia berkhidmat dan rela berkorban untuk profesion, bangsa dan negara mereka.

5. Saya merasa bangga kerana telah ada kesedaran yang mendalam di dalam diri guru-guru sendiri bahawa tiada gunanya bercakaran sesama sendiri sekiranya perkara yang diperbalahkan itu tiada memberi apa-apa faedah kepada semua pihak. Guru-guru nampaknya telah sedar sesuatu penyelesaian melalui mesyuarah adalah penyelesaian yang wajar bagi membetulkan sesuatu fahaman atau pendapat yang salah. Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Hari Guru yang ditubuhkan tiap-tiap tahun ini, adalah salah satu media yang sesuai untuk mengadakan mesyuarah dan menyelesaikan sebarang masalah yang timbul dengan penuh semangat persefahaman dan tolak ansur.

6. Saya yakin setakat ini telah ada perpaduan yang erat diantara pemimpin-pemimpin guru di dalam Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Hari Guru ini. Saya berharap perpaduan seumpama ini dapat diteruskan untuk menjamin keupayaan serta kewibawaan pemimpin-pemimpin disamping dapat memberikan pimpinan terhadap kaum guru sendiri dan memberikan bimbingan yang baik ke atas anak-anak muda kita di sekolah-sekolah

yang sedang amat dahagakan setitik air penawar untuk menyedarkan mereka daripada gejala-gejala serta pengaruh-pengaruh yang buruk yang mengalir dari luar, yang pada hari ini telah menggoncang kemurnian bangsa dan negara kita.

7. Saya ingin menyeru kepada saudara-saudara sekalian supaya memikirkan lebih banyak serta lebih serious mengenai masalah anak-anak muda ini dan cuba memberikan bantuan kepada mereka melalui apa-apa cara pun agar mereka dapat menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan dapat mengambil tempat kita sebagai pemimpin untuk memimpin jenerasi kita pada masa hadapan.

8. Akhirnya saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ahli-ahli Jawatankuasa Hari Guru Peringkat Kebangsaan yang telah menerima Sijil Penghargaan Hari Guru dan Majlis ini. Ini tentulah menjadi perangsang serta menambahkan lagi semangat kepimpinan di dalam Majlis ini. Saya berdoa mudah-mudahan saudara-saudara lebih maju dan dedikasi di dalam tugas, dan adalah menjadi harapan saya semoga Perayaan Hari Guru 1977 mendapat lebih kejayaan.

Terima kasih.

Kementerian Pelajaran,
Kuala Lumpur.

22hb Januari, 1977.